

23 SEP 2002

ASEM-Denmark/I

USAH TUMPU KEPADA KAEDAH KETENTERAAN TANGANI KEGANASAN

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 23 Sept (Bernama) -- Perdana Menteri Denmark Anders Fogh Rasmussen menggesa para pemimpin Asia dan Eropah supaya tidak hanya memberi tumpuan kepada kaedah ketenteraan bagi menangani keganasan di dalam perbincangan pada mesyuarat Asia-Eropah (ASEM 4) keempat yang bermula di sini hari ini.

Dalam suratnya kepada rakan-rakan sejawat yang menyertai mesyuarat itu, beliau berkata perbincangan harus memandang kedepan dan mengambil pendekatan yang konstruktif.

Rasmussen berkata apa yang beliau maksudkan ialah pandangan hendaklah diberikan kepada aspek ekonomi, sosial, perundangan serta keselamatan dan bagaimana Asia dan Eropah dapat bekerjasama memerangi keganasan.

Suratnya senada dengan gesaan konsisten Malaysia supaya usaha memerangi keganasan tidak hanya mengutamakan kaedah ketenteraan dengan mengabaikan usaha mencari puncanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebelum ini berkata adalah penting dicari punca kenapa seseorang itu bertindak ganas sebagaimana yang berlaku dalam kes di Palestin.

Permasalahan kes itu adalah disebabkan kegagalan mencari penyelesaian politik bagi menangani masalah yang berbangkit terutama berkaitan hak penduduk Palestin mendapatkan kedaulatan tanah air mereka.

Dr Mahathir pada mesyuarat itu dijangka akan membangkitkan mengenai perkembangan terbaru di Tebing Barat terutama berhubung rayuan Presiden Palestin Yasser Arafat.

Arafat menelefon Dr Mahathir Jumaat meminta bantuan untuk mendesak para pemimpin Barat supaya campurtangan menghentikan kepungan tentera Israel ke atas ibu pejabatnya.

Tentera regim Yahudi itu telah memusnahkan bangunan kompleks pentadbiran pemimpin Palestin itu dan Arafat kini dilaporkan terperangkap bersama kira-kira 250 yang lain di dalam bangunan tunggal yang belum dirobohkan.

Rasmussen juga berkata dialog Asem adalah sangat mustahak dalam konteks serangan ke atas Amerika Syarikat pada 11 Sept lepas.

"Ekoran peristiwa tragik itu, adalah penting perbincangan antara rantau dimantapkan bagi mengatasi salahfaham dan menolak tanggapan bahawa pertembungan peradaban tidak dapat dielakkan," katanya.

Beliau berkata dialog ASEM yang mengumpul 10 pemimpin Asia dan 15 pemimpin negara anggota Kesatuan Eropah serta Suruhanjaya Eropah itu bertujuan mempromosi kesedaran untuk sama-sama bertanggungjawab demi masa depan rantau masing-masing.

Mengenai bidang ekonomi, Perdana Menteri Denmark itu menggesa supaya para peserta memberi isyarat politik yang padu berhubung kesediaan untuk bekerjasama bagi mencergaskan semula ekonomi yang terjejas ekoran krisis kewangan Asia 1997 dan keadaan ekonomi dunia yang lembab selepas peristiwa 11 Sept.

Usaha perlu dilakukan bagi membaiki akses pasaran dan syarat-syarat pelaburan serta merapatkan jurang digital di kalangan negara anggota ASEM, katanya.

-- BERNAMA

MR MFJ MOZ